

**TEKS UCAPAN
YB DATUK DR. ABU BAKAR BIN MOHAMAD DIAH
TIMBALAN MENTERI SAINS, TEKNOLOGI AND INOVASI**

SEMPENA

**MAJLIS PENYERAHAN PROJEK MOSTI *SOCIAL INNOVATION* (MSI)
BAGI PENGELUARAN MADU LEBAH MELALUI PROGRAM
PEMBANGUNAN KOMUNITI BIOEKONOMI (BCDP) KEPADA
PERSATUAN PENTERNAK MADU LEBAH KOMERSIAL KUALA
LINGGI**

**STESYEN MARDI, KUALA LINGGI, MELAKA
5 APRIL 2016 (SELASA)**

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. MOHD AZHAR BIN HAJI YAHAYA
Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar), Kementerian Sains, Teknologi dan
Inovasi (MOSTI);

YANG BERUSAHA PROF. MADYA DR. RAMZAH BIN DAMBUL
Timbalan Ketua Setiausaha (Sains), MOSTI;

YANG BERBAHAGIA DATO' DR. MOHD NAZLEE BIN KAMAL
Ketua Pegawai Eksekutif, Malaysian Biotechnology Corporation
(BiotechCorp);

ENCIK ERIC TANG

Pengarah merangkap Ketua Pegawai Eksekutif, Flora Bee Hive
Enterprise Sdn. Bhd.;

(Senarai akan dikemaskini dari semasa ke semasa)

Ahli-ahli Persatuan Penternak Madu Lebah Komersial Kuala Linggi;

Tetamu Kehormat, Tuan-tuan dan Puan-puan;

Rakan media dan sidang hadirin yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum W.B.T, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada BiotechCorp kerana telah menjemput saya untuk bersama-sama dalam Majlis Penyerahan Projek MOSTI *Social Innovation* (Projek MSI) bagi Pengeluaran Madu Lebah kepada Persatuan Penternak Madu Lebah Komersial Kuala Linggi pada pagi ini.

1. Untuk makluman para hadirin sekalian, projek MSI ini adalah merupakan satu inisiatif di bawah Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP), iaitu satu program nasional BiotechCorp yang bertujuan untuk meningkatkan pendapatan peserta yang terlibat dalam aktiviti ekonomi berasaskan bioteknologi. Sebagai contohnya, pada tahun 2016 ini, sebanyak 30 projek BCDP disasarkan dengan penglibatan sehingga 500 petani yang dijangka akan memberi purata pendapatan bulanan tambahan sebanyak RM4,500.00 bagi setiap petani. Sehingga Mac 2016 sahaja, empat (4) projek BCDP sedang dilaksanakan yang telah melibatkan 375 petani.

2. Suka juga saya maklumkan bahawa Program Bioekonomi yang melibatkan komuniti bukanlah satu inisiatif baharu oleh MOSTI melalui pihak BiotechCorp. Pelaksanaan BCDP memberi fokus untuk meningkatkan tahap pendapatan isi rumah 40 peratus terendah (isi rumah B40) ke tahap yang lebih tinggi. Ini susulan daripada Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11) dari 2016n hingga 2020 yang memberi tumpuan khusus untuk mempertingkatkan lagi ekonomi rakyat di samping memastikan *capital economy* negara akan terus berkembang. Pendekatan ini akan menyediakan peluang yang saksama kepada rakyat untuk terlibat dan seterusnya mendapat manfaat daripada inisiatif bioekonomi negara, setanding dengan negara ekonomi maju di peringkat global.

Sidang hadirin yang dihormati sekalian,

3. Projek MSI juga adalah merupakan satu projek MOSTI yang bersifat *people centric* yang mula dilaksanakan pada tahun 2015. Dan bermula pada tahun 2016, Projek MSI ini telah diberikan pengiktirafan

apabila ianya telah dipilih sebagai salah satu daripada 6 projek Pemacu Perubahan (*Game Changer*) RMKe-11 dan dimasukkan di bawah inisiatif *National Blue Ocean Strategy* (NBOS). Ini menggambarkan pengharapan tinggi oleh Kerajaan terhadap projek MSI, satu projek yang akan merealisasikan impak langsung bagi aplikasi teknologi kepada rakyat, atau dengan kata lain projek berasaskan penggunaan teknologi bagi menyelesaikan permasalahan rakyat, mudah untuk dilaksanakan, dinikmati ramai dan boleh memberi faedah secara berpanjangan kepada komuniti setempat. Secara spesifiknya projek MSI ini adalah bagi membantu masyarakat dan komuniti untuk memenuhi keperluan dan meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat dalam aspek ekonomi, sosial dan juga peningkatan kemahiran dan kapasiti peserta.

Tuan-puan yang saya hormati sekalian,

4. Seterusnya saya ingin menarik perhatian tuan-puan kepada Projek MSI bagi Pengeluaran Madu Lebah yang dilancarkan pada hari ini. Seperti kita semua sedia maklum, projek ini akan memberi faedah secara langsung kepada ahli Persatuan Penternak Madu Lebah Komersial Kuala Linggi melalui kolaborasi bersama Syarikat Flora Bee Hive Enterprise Sdn. Bhd. (Flora Bee Hive). Lokasi Kuala Linggi telah dipilih kerana kawasan ini mempunyai sumber makanan lebah yang mencukupi dengan adanya pokok-pokok gelam dan akasia.

5. Dalam jangka masa panjang, projek ini dijangka mampu membangunkan industri madu lebah tempatan khususnya di kawasan Kuala Linggi daripada aspek pengeluaran sehinggalah kepada pemasaran kerana permintaan yang dijamin melalui kerjasama dengan Syarikat Flora Bee Hive ini. Saya juga mengharapkan agar BiotechCorp akan terus meneraju projek sebegini secara lebih meluas di seluruh negara dan pada jangka masa panjang ianya boleh menyumbang kepada pembangunan industri ternakan madu lebah yang lebih mapan. Sebelum ini kita melihat industri madu lebah di Malaysia lebih bersifat kecil-kecilan sahaja dan hasil keluarannya adalah untuk kegunaan tempatan. Walaupun permintaan madu lebah tempatan adalah tinggi namun hanya 3% sahaja madu dihasilkan di Malaysia manakala

selebihnya telah diimport dari Australia, China, Thailand dan Amerika Syarikat.

6. Saya telah difahamkan bahawa buat masa ini Flora Bee Hive membekalkan lebih kurang 500 metrik tan madu yang telah diproses ke pasaran Malaysia, dengan anggaran pegangan pasaran madu di Malaysia sebanyak 25% hingga 30%. Selaras dengan usaha untuk mengurangkan kebergantungan kepada madu import, Flora Bee Hive telah membina kilang memproses madu di Kamunting, Perak bagi mencapai sasaran pegangan pasaran sebanyak 60%. Sehubungan dengan itu, saya berharap dengan adanya projek berbentuk NBOS antara BiotechCorp dengan Syarikat Flora Bee Hive ini, Malaysia boleh menempa nama dalam pengeluaran produk madu lebah tempatan yang berkualiti untuk dipasarkan di peringkat global.

7. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada semua pihak supaya turut memberi tumpuan kepada penjenamaan produk madu lebah tempatan. Penjenamaan (*branding*) berdasarkan lokaliti atau harta intelek berasaskan tempat asal (*geographical indication*) akan dapat membantu produk Malaysia untuk menembusi pasaran antarabangsa serta berpotensi untuk lebih lestari dan menjamin *sustainability*. Banyak contoh produk madu yang telah berjaya membentuk jenamanya yang tersendiri seperti *Manuka Honey*, *Bee Pollen*, *Propolis* dan banyak jenama lagi yang masyhur di pasaran.

8. Saya juga telah difahamkan bahawa Syarikat Flora Bee Hive berhasrat untuk mengikut jejak langkah negara China dan Argentina untuk menjadi pengeksport madu utama bagi memenuhi pasaran antarabangsa. Dan saya amat berharap agar madu lebah tempatan juga akan membanjiri pasaran luar negara pada masa mendatang. Saya amat mengalu-alukan usaha murni ini dan saya berharap penternak di Kuala Linggi akan menjadi sebahagian daripada kejayaan tersebut. Bagi mencapai cita-cita dan hasrat tersebut, Persatuan Penternak Madu Lebah Komersial Kuala Linggi telah diberi bantuan serta bimbingan latihan selama 6 bulan secara berterusan daripada Flora Bee Hive. Kini, ahli-ahli persatuan mempunyai kemahiran untuk menternak, mengurus dan memperoleh madu lebah berkenaan. Justeru, semua ahli persatuan

diharapkan akan dapat memulakan pengeluaran madu lebah sebagai sumber pendapatan tambahan kepada ahli-ahlinya.

Para hadirin yang dihormati sekalian,

9. Akhir kata, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas sekali lagi kepada Persatuan Penternak Madu Lebah Komersial Kuala Linggi dan Flora Bee Hive dan tidak dilupakan juga kepada BiotechCorp yang telah berganding bahu bagi menjayakan projek ini.

10. Saya juga amat berharap kejayaan Projek MSI Pengeluaran Madu Lebah melalui BCDP ini akan dapat diaplikasi dan seterusnya diperluaskan ke kawasan-kawasan lain di seluruh Melaka khususnya dan di seluruh Malaysia amnya. Selamat maju jaya sekali lagi kepada semua pihak yang terlibat.

Sekian, terima kasih.